



A. KADIR JASIN  
Tokoh Wartawan Negara 2011

## CABARAN JANGKA PANJANG KRISIS AIR

Gambar akhbar kanak-kanak bermain bola sepak dalam sawah yang kering-kontang di negeri utara Semenanjung mengingatkan saya kembali kepada tahun 1950-an dan 1960-an di Kedah.

PADA waktu itu, melihat orang bermain bola dalam sawah ketika musim kemarau bukanlah sesuatu yang luar biasa. Itulah antara kegunaan sawah, paya, dan padang ragut ketika kemarau—dijadikan padang permainan, lapangan hiburan, dan laluan orang mengusung rumah.

Pada musim kemarau, banyak masa terluang dimanfaatkan untuk melakukan kerja pemulihan dan kegiatan

kemasyarakatan. Antara kegiatan kemasyarakatan yang kerap dilakukan termasuklah memindahkan rumah dari satu tempat ke tempat yang lain. Sebuah rumah kayu yang bertiang boleh dipindahkan sehingga berbatu-batu jauhnya menggunakan tenaga manusia. Kegiatan itu disebut mengusung rumah.

Bergantung pada saiz, sebuah rumah boleh diusung ke destinasi dalam masa dua atau tiga hari oleh kira-kira 100

orang hingga 300 orang dewasa. Ada yang diiringi gendang dan serunai, serta pasukan yang menyediakan makan dan minum. Kegiatan lain, termasuklah bermain layang-layang, mengadakan majlis suka ramai, menggali parit dan longkang, membersihkan perigi dan kampung halaman.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan kegiatan tersebut terhenti apabila projek pengairan mula membekalkan air pada awal tahun 1970-an. Sejak itu, petani dapat mengerjakan sawah dua tahun sekali dan sawah tidak lagi kering kontang seperti sebelumnya. Walaupun pada musim kemarau dan ketika kerja menuai padi selesai, sawah masih lembap.

Oleh itu, lenyaplah permainan bola dalam sawah dan rumah tidak lagi diusung kerana kebanyakannya sudah dibina menggunakan konkrit. Rumah kayu makin hari, makin pupus.

Musim kemarau pada kali ini, keadaannya teruk kerana diburukkan oleh kesan fenomena El Nino. Ringkasnya El Nino ialah pemanasan permukaan Lautan Pasifik. Pada kali ini, fenomena tersebut dikatakan yang terburuk dalam sejarah dan turut mempengaruhi suhu Lautan Hindi. Fenomena tersebut membawa bersama-sama kemarau yang teruk di sesetengah tempat di Asia, Australia, Indonesia, dan pantai timur Afrika, serta hujan lebat di pantai barat Amerika Utara dan Selatan, serta benua kecil India.


Pertubuhan Pertanian dan Makanan Dunia (FAO) meramalkan bahawa dianggarkan sebanyak 60 juta orang manusia akan menghadapi ancaman kekurangan makanan. Paling buruk ialah negara di pantai barat Afrika.

Sebelum ini, kita pernah mengalami El Nino, tetapi fenomena tersebut belum difahami dengan meluas. Namun begitu, kesan kemarau yang berlaku sekarang tidaklah seteruk dahulu. Sekarang orang kampung boleh bergantung pada air daripada rangkaian terusan rancangan pengairan muda dan air paip.

Sebelum ada pembangunan di luar bandar, kemarau merupakan musim paling seksa bagi penduduk kampung, kecuali yang tinggal di pesisiran sungai. Sudah menjadi kebiasaan haiwan ternakan mati kehausan, manakala hutan belukar dan rumah musnah dijilat api.

Pada hari ini, bukan sahaja kebanyakan kampung ada bekalan air paip, tetapi haiwan, seperti kerbau, lembu, kambing, dan ayam, tidak lagi dipelihara secara berleluasa seperti yang berlaku pada tahun 1950-an dan tahun 1960-an. Pada hari ini, seburuk mana pun kemarau, air paip masih ada walaupun sekali-sekala dicatu. Apabila bekalan air putus, air dalam terusan pengairan masih ada.

Pada zaman saya kanak-kanak dan remaja, ada orang yang terpaksa berbasikal atau menggunakan kereta kerbau



**Wartawan Steven Solomon berhujah bahawa air kini mendahului minyak sebagai sumber alam yang paling terhad bekalannya.**

untuk mencari air, bukan air paip tetapi air sungai dan perigi. Hatta yang tinggal di pesisiran sungai, seperti keluarga saya, pun tidaklah terlepas daripada menghadapi masalah air.

Air sungai ada, tetapi pada ketika air pasang besar, yang berlaku dua kali sebulan, air laut naik sampai ke kampung kami menyebabkan air menjadi payau. Apabila kita mengalami musim kemarau dan cuaca panas, barulah kita sedar betapa pentingnya bekalan air dan elektrik.

Namun begitu, adakah kita sedar bahawa bekalan air bersih di merata dunia semakin hari semakin sukar diperolehi? Negara kita tidak terkecuali meskipun kita mengalami taburan hujan sepanjang tahun, dan mempunyai kawasan tadahan yang luas. Semakin banyak sungai dan tasik kita dicemari dengan kekotoran industri dan isi rumah, manakala kawasan paya yang menjadi takungan pula dimusnahkan untuk tujuan perumahan dan perindustrian.

Kesimpulannya, kalau kita tidak berhati-hati menguruskan sumber air, pada suatu hari kelak, kita akan mengalami masalah bekalan air yang teruk, seperti yang sedang berlaku di negara pesisiran padang pasir. Dalam bukunya *Water: The Epic Struggle for Wealth, Power and Civilization*, wartawan Steven Solomon berhujah bahawa air kini mendahului minyak sebagai sumber alam yang paling terhad bekalannya.

Hanya 2.5 peratus air di bumi kita ialah air tawar yang boleh diminum dan sebahagiannya tersimpan dalam bentuk glasier atau air beku, manakala kegunaan air meningkat sebanyak dua kali ganda lebih pantas daripada pertambahan penduduk dunia.

Wallahuaklam.

